



Indeks Perdagangan Luar Negeri Mac 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA




@StatsMalaysia




INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MAC 2024

EKSPORT



IMPORT




TERMA PERDAGANGAN



Semua perubahan berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Sumber: Indeks Perdagangan Luar Negeri Mac 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PERATUS PERUBAHAN BULAN KE BULAN BAGI INDEKS NILAI SEUNIT EKSPORT DAN IMPORT



@StatsMalaysia



Harga eksport dan import Malaysia kekal dalam trend positif pada Mac 2024, indeks nilai seunit eksport meningkat 1.7 peratus dan import 0.1 peratus.

- Indeks nilai seunit eksport naik 1.7 peratus pada Mac 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+4.7%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+3.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.6%). Begitu juga, indeks volum eksport menokok 13.6 peratus selaras dengan peningkatan indeks bahan mentah tidak boleh dimakan (+31.3%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+24.6%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+19.0%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim menguncup 2.5 peratus daripada 156.8 mata kepada 152.9 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit bertambah 5.1 peratus manakala indeks volum berkurang 5.6 peratus.
- Indeks nilai seunit import meningkat secara marginal 0.1 peratus pada Mac 2024, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak galian (+1.6%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+0.7%) dan barang-barang keluaran kilang (+0.1%). Sementara itu, indeks volum import turut naik 15.6 peratus pada Mac 2024 berbanding Februari 2024, disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks makanan (+23.9%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+20.5%) dan minyak galian (+17.3%). Indeks volum import pelarasan bermusim susut 0.8 peratus daripada 193.7 mata kepada 192.1 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit dan indeks volum import masing-masing berkembang 0.6 peratus dan 11.8 peratus.
- Terma perdagangan Malaysia menokok 1.6 peratus bulan ke bulan kepada 115.2 mata pada Mac 2024.

